



**#TANPAPERKAUMAN:  
KE ARAH  
MALAYSIA  
YANG BEBAS  
DISKRIMINASI**

# MELETAKKAN ASAS

## MEMAHAMI DISKRIMINASI

Pengertian diskriminasi kaum menurut Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum boleh disimpulkan sebagai:

Kelakuan, tindakan, undang-undang, atau dasar yang **menyebelahi, menyekat, atau mengeneipkan** seseorang berdasarkan **kaum, warna kulit, keturunan, kewarganegaraan, atau asal-usul etnik**. Tindakan ini sama ada ingin atau menyebabkan sebahagian ahli masyarakat mendapat **hak atau kebebasan yang tidak sama rata**.



# PUNCA RASISME

**Rasisme =  
Prasangka individu +  
(Sosial + Kuasa institusi)**



1 **Rasisme** seringkali difahami sebagai satu kepercayaan bahawa terdapat hubungan sebab akibat antara ciri-ciri biologi seseorang dan keunggulan intelek/moral.

2 Pemikiran sebegini selalunya bermula dengan menggambarkan kebudayaan lain yang berbeza dengan kebudayaan kita sebagai "**aneh**", "**pelik**" dan "**sukar untuk difahami**".

4 Permulaan pengelasan kaum dipengaruhi oleh kemajuan sains di Eropah pada abad ke-16 yang taksu kepada bidang taksonomi - **mengenal pasti, menerangkan, mengelaskan** semua flora dan fauna.

3 Berdasarkan sejarah, rasisme menjadi nyata apabila cendekiawan Eropah mula menggunakan sains dan falsafah untuk menunjukkan sebahagian kaum sebagai kaum yang lebih "**lemah**" dan "**berstatus lebih rendah**" berbanding kaum lain.

5 Pengelasan yang menguatkan hierarki bangsa telah digunakan untuk **mewajarkan perhambaan dan penjajahan**, terutamanya pandangan Beban Orang Putih yang bersifat paternalistik.



## RASIALISME

6

**Rasialisme** adalah satu fenomena iaitu beberapa **perbezaan sesama manusia dilihat sebagai satu ancaman kepada kesejahteraan masyarakat** (contohnya, menyalahkan migran dan pelarian sebagai punca penyebaran Covid-19 kerana mereka “kotor” dan “tidak berpelajaran”).



“Perkataan seperti ‘kotor’, ‘tamak’ dan ‘melanggar undang-undang’ mempunyai sejarah digunakan untuk mencadangkan semua imigran perlu dikawal.”

7

## Satu ringkasan tentang Rasialisme

### Kumpulan diberikan Label

- Muslim
- Orang Asia
- Pelarian
- Kaum Tutsi/ Kaum Hutu



### Ditetapkan dengan Set Tingkah Laku



- Pengotor
- Tidak sah
- Tidak jujur
- Berkelakuan ganas
- Penjenayah

### Perlu Dikawal

- Penahanan
- Keganasan Kaum
- Penghantaran pulang
- Diskriminasi



“Rasialisme mengurangkan pelbagai identiti yang kompleks kepada satu monolit identiti tunggal.”

## UCAPAN KEBENCIAN


8



**A** *Microaggression* di tempat kerja (Melayu malas)



**B** Cercaan perkauman dalam wacana awam (India Mabuk – kemalangan memandu dalam keadaan mabuk)



9

Generalisasi ini kemudian dikuatkan lagi dengan **cercaan perkauman**, iaitu salah satu bentuk ucapan kebencian yang meletakkan sekumpulan orang dalam satu bentuk stereotaip tunggal.



10

Banyak cercaan perkauman rakyat Malaysia, seperti Melayu malas, Cina tamak dan India mabuk, **mempunyai asal usul sejarah** dalam penulisan pentadbir penjajah British.



11

Rasialisme juga boleh mengambil bentuk yang lebih halus, iaitu **microaggression**, tingkah laku verbal atau bukan verbal harian yang boleh dilakukan tanpa sedar tetapi memberi kesan yang teruk.



12

Sesuatu yang kelihatan seperti gurauan, komen ikhlas, atau malah satu pujian amat berbahaya kerana hal ini memberi isyarat kepada masyarakat yang meluas bahawa mungkin ada **kebenaran dalam stereotaip** yang memberi kesan teruk itu.

## BANCI MALAYSIA

1

Melihat kepada bancian rakyat Malaysia, **sifat bangsa yang dibentuk secara strategik** dapat dilihat melalui definisi dan terminologi yang berubah-ubah yang digunakan untuk menerangkan 'bangsa'.



2

Sempadan kaum yang semakin menebal membawa kepada masyarakat Melayu menjarakkan diri mereka daripada masyarakat Orang Asli, menunjukkan **perbezaan antara 'pribumi' dan 'orang asli'**.




3

Sebelum ini dilihat sebagai satu, penduduk Malaya **disusun mengikut skala** bermula dari liar/orang asli > Sakai yang jinak (keadaan sementara) > Melayu (paling hampir dengan piawai peradaban Eropah).



4

Hingga ke hari ini, ketegaran bancian rakyat Malaysia yang mencuba untuk menetapkan identiti kaum gagal menggambarkan kepelbagaian Malaysia dan telah **memaksa ramai rakyat Malaysia meninggalkan sebahagian daripada identiti mereka**.



LIMA BANGSA BLUMENBACH (1779)

“Fiksyen dalam bancian ini adalah semua orang mempunyai tempat di dalamnya, dan setiap orang hanya mempunyai satu tempat yang sangat jelas.”

— BENEDICT ANDERSON

## MEWUJUDKAN MALAYSIA



1 Pemprofilan kaum, diskriminasi dan salah laku di Malaysia hari ini **berakar umbi dari dasar dan institusi penjajah** yang mengendalikan keselamatan, pengawasan, penjagaan kesihatan, imigrasi dan ekonomi British Malaya.



IMEJ: PERPUSTAKAAN UNIVERSITI LEIDEN, KOLEKSI DIGITAL, KITLV 3652

2 Bangsa kekal menjadi **pusat pertikaian dan pendamaian politik** kepada persaingan wawasan pelbagai gerakan nasionalis Melayu bermula dari zaman penjajahan sehingga pascapenjajahan:



### A. Pembaharuan Islam pada abad ke-19:

Kaum Muda mewujudkan penerbitan untuk membincangkan **permasalahan sosio-politik, pemodenan dan antipenjajahan** masyarakat Melayu dari perspektif Islam.



### B. Perbalahan antara golongan bangsawan Melayu ketika pembentukan Malay Union:

seorang putera raja Kelantan-Patani, Tengku Mahmud Mahyideen menggesa kepada **hak kerakyatan sama rata tanpa mengira bangsa** VS ketakutan UMNO bahawa bangsa Melayu **"akan dihilangkan"**.



SUMBER: WIKIPEDIA [HTTPS://UPLOAD.WIKIMEDIA.ORG/WIKIPEDIA/COMMONS/5/50/GREATER\\_INDONESIA\\_LOCATOR.SVG](https://upload.wikimedia.org/wikipedia/commons/5/50/Greater_Indonesia_locator.svg)

### C. Melayu Raya: pengertian Melayu yang cair dan terangkum

yang dipegang oleh kelompok radikal berhaluan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan pengwujudan satu entiti politik merangkumi Indonesia, Singapura, Malaya dan Borneo seperti yang dicadangkan oleh Hizbul Muslimin.

### D. Perlembagaan Persekutuan Malaya vs Perlembagaan Rakyat: kumpulan tindakan politik merangkumi semua bangsa yang pertama

di Malaya ialah AMCJA-PUTERA. Kritikan utama mereka ke atas rancangan menubuhkan Persekutuan Malaya adalah **kekurangan perwakilan kaum dan kelas**.



“Perpaduan yang kami bincangkan tidak pernah menyebut tentang aspek kaum... Apa yang kami mahukan adalah semua kesatuan sekerja, pekerja, wanita dan organisasi menyertainya...”

- LIM KEAN CHYE (2007)



3 Seperti yang disaksikan dalam Hartal Malaya 1947, **persilangan antara kelas dan kaum merupakan satu paparan perpaduan yang amat kuat antara pelbagai masyarakat.** Namun, hal ini diketepikan kerana ketidaksetaraan kaum yang diinstitusikan dan ketiadaan renungan semula yang kritikal tentang kaum dan perkauman.



4 Ketidaksamaan ini berterusan menjadi suatu musibah kepada Malaysia. Satu lagi contoh adalah pelemahan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) (yang menjadi asas kepada persetujuan Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia) membawa kepada **kemerosotan hubungan antara kerajaan persekutuan dan negeri.**

5

Pindaan pada tahun 1976 **gagal menepati janji-janji MA63** dan mengabaikan:



A. **keimbangan mengenai kewangan, hak minyak dan perairan wilayah**



B. **'Borneonisasi' perkhidmatan awam**



C. **Autonomi politik Sabah dan Sarawak**

## MENYEMBUHKAN NEGARA

### DASAR PERPADUAN NEGARA



1 Walaupun dasar perpaduan negara bertujuan untuk mempromosikan keterangkuman, pelbagai program lepas dan semasa yang mengambil pendekatan **perbezaan kaum sebagai suatu masalah untuk diselesaikan** telah gagal.



2 Dasar Bahasa Kebangsaan juga

membawa tema yang sama, iaitu percaya bahawa kepelbagaian boleh diselesaikan melalui **penetapan piawaian.**



3 Penggubalan dasar melalui lensa ini akan melahirkan satu budaya diskriminasi kaum kerana hal ini mewujudkan

**hirarki bahasa, ilmu pengetahuan, dan kebudayaan.** Ada kalanya, hal ini mungkin akan **menyahabsahkan bahasa, ilmu pengetahuan, dan kebudayaan yang berada di luar norma budaya yang diterima.**



## 4 BANGSA DAN SISTEM PENDIDIKAN

Perpaduan kebangsaan menjadi semakin rumit disebabkan oleh **sistem pendidikan kebangsaan berteraskan bahasa** yang memberi kesan berikut:



Mengasimilasikan sikap **paternalistik** bercorak penjajah terhadap pendidikan yang menghalang pemerkasaan komuniti terpinggir.



Mewujudkan **sikap tidak sensitif** terhadap interaksi silang budaya, keeksklusifan dalam kumpulan, dan layanan berbeza dalam kalangan pelajar.



Menguatkan **stereotaip** berdasarkan sejarah terhadap masyarakat tertentu



Melebarkan **perpecahan** serta jurang pencapaian **bandar dan luar bandar.**



**Menormalisasikan** diskriminasi di sekolah.

## DASAR EKONOMI BARU



**5** Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971 untuk **membetulkan ketidakseimbangan** ekonomi dan membasmi kemiskinan.




**6** Matlamat DEB adalah untuk mencipta **kesaksamaan yang lebih baik yang akan memupuk 'perpaduan kebangsaan'.**



**7** Walau bagaimanapun, ramai cendekiawan berpendapat dasar tindakan afirmatif yang **mengikat kaum dengan kemiskinan** telah meminggirkan terutamanya masyarakat luar bandar merentasi semua etnik.

**9** Kesannya, masyarakat minoriti bergelut dengan **kitaran kemiskinan** disebabkan mereka menghadapi halangan kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, perumahan, dan pelbagai lagi bentuk **ketaksamaan yang diwarisi** dari generasi ke generasi.



**8** Dasar-dasar ini telah **menguatkan lagi kepentingan etnik** lalu menyebabkan sikap dan amalan baik perkauman, termasuk dalam tenaga kerja, menjadi lebih diterima ramai.



# KE ARAH MALAYSIA SIFAR DISKRIMINASI MENENTANG DISKRIMINASI



1

**Tindakan afirmatif** adalah apabila tindakan aktif atau intervensi diambil untuk mencapai kesaksamaan secepat yang mungkin. Ia kadang kala dilakukan untuk mengembalikan ketidakseimbangan dalam masyarakat.

Anda harus setinggi ini untuk memasuki kolej




3

Namun, tindakan sebegini adalah wajar pada asas yang tindakan afirmatif membenarkan **kumpulan yang dalam sejarah telah ditindas** untuk kembali mengejar, memasuki ruang yang mereka telah dikecualikan, dan sebagai satu bentuk pampasan. Akhirnya, hal ini akan membenarkan **penggubalan dasar yang lebih seimbang**.

2

Kadang kala, **keistimewaan atau keutamaan** yang diberikan kepada beberapa masyarakat berdasarkan kepada ciri-ciri yang kelihatan bersifat diskriminasi.



4

**Penentuan nasib sendiri** atau hak rakyat untuk memilih status politik mereka juga merupakan satu perkara penting dalam menghapuskan diskriminasi kaum.

5

**Deklarasi Durban dan Program Tindakan 2009** memberi penekanan kepada kepentingan penentuan nasib sendiri kerana hal tersebut menjamin:



a. **Penyertaan sama rata** dalam membuat keputusan



b. **Usaha ke arah pembangunan sosial, ekonomi dan kebudayaan**



c. **Kebebasan daripada eksploitasi dan penaklukan**

“Malaysia perlu membuang mentaliti bahawa orang asli perlu mengubah cara hidup mereka jika mahukan pembangunan.”

- JENITA ENGI




7

Di Malaysia, mempunyai mekanisme undang-undang yang diperlukan akan membantu dalam menolong Orang Asal **mengembalikan semula integriti kebudayaan** mereka serta **kawalan ke atas tanah dan sumbernya**.



## KE ARAH KETERANGKUMAN



1 Media dan penggubal dasar di Malaysia sering kali bersubhat dalam **tokenisme** berbanding **perwakilan yang tepat dan benar-benar pelbagai**. Kesannya, sekadar menyebut masyarakat terpinggir sudah dikira perwakilan yang memadai dalam dasar dan media.

2

**Perwakilan Sebenar =**



3

**Dasar kepelbagaian boleh dirangka dengan cara:**



A

**Mengariskan** satu definisi tempatan dan ruang lingkup 'kepelbagaian'.



B

**Meratifikasi** konvensyen antarabangsa yang memberikan panduan berguna dalam menzahirkan dan mempromosi kepelbagaian.



C

Memastikan kewujudan **struktur sokongan** yang menyasarkan kumpulan-kumpulan yang kurang diwakili.

## MEMAHAMI ICERD



4

Salah satu cara untuk Malaysia mengukuhkan komitmen terhadap **kesamaan dan kesaksamaan sosial yang lebih baik** adalah menerusi ratifikasi perjanjian antarabangsa.

“ICERD adalah berdasarkan kepada prinsip keunggulan bangsa secara saintifiknya adalah kepercayaan palsu dan semua manusia adalah setara.”



5

**Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD)** merupakan salah satu daripada sembilan konvensyen hak asasi manusia teras PBB yang menumpukan kepada **nyahpenjajahan dan penghapusan rasisme**. Namun, rancangan untuk meratifikasinya menghadapi tentangan besar-besaran di Malaysia.

6

Dalam wacana politik Malaysia, piawai hak asasi manusia antarabangsa sering dituduh sebagai akan mengorbankan kepentingan rakyat. **ICERD** ditafsirkan sebagai satu ancaman kepada **Perkara 153** Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kedudukan istimewa bumiputera.





7

Namun, untuk **ICERD** menjadi **efektif di peringkat tempatan**, konvensyen ini perlu melepasi perbahasan dan proses perundangan Parlimen.



“Pendekatan Malaysia terhadap undang-undang antarabangsa mengikuti doktrin transformasi iaitu bermaksud undang-undang antarabangsa perlu digubal menjadi undang-undang tempatan.”

8

Penolakan oleh beberapa kumpulan tertentu terhadap ratifikasi konvensyen ini berpunca daripada **beberapa salah faham** dalam peruntukannya:

KONVENSYEN INI

TIDAK AKAN

- Bertentangan dengan prinsip-prinsip Shariah Islam
- Mengakibatkan **pindaan kepada Perkara 153** Perlembagaan Persekutuan
- Melemahkan kedaulatan negara

SEBALIKNYA

- Membenarkan negara anggota untuk **melaksanakan pengecualian** termasuklah perkara berkaitan hal-hal keagamaan (Perkara 20)
- Bersesuaian dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan
- Menjunjung **keluhuran** Perlembagaan Persekutuan

KELEBIHAN ICERD

9

Memasukkan ICERD ke dalam sistem perundangan tempatan memberi manfaat kepada Malaysia dalam pelbagai cara:



A. Struktur laporan **ICERD** akan menggesa Malaysia untuk **menilai dan meminda** undang-undang serta institusi sedia ada yang mengekalkan diskriminasi berasaskan bangsa dan ketidaksaan kaum.



B. Menambahbaik **kebertanggungjawaban** dasar, program dan institusi Malaysia dalam inisiatif untuk mempromosi kesepaduan sosial dan perpaduan kebangsaan.



C. **ICERD** menggalakkan promosi perwakilan sejarah, budaya, pendidikan dan maklumat kumpulan etnik/kaum yang **benar, terangkum dan seimbang** serta mengelakkan tokenisme.

“Menandatangani perjanjian antarabangsa akan menjadi satu langkah pertama dalam mengiktiraf dan menangani masalah dan jurang perbezaan.”



D. Memahami dan menentang rasisme pada semua peringkat individu, hubungan sesama manusia, institusi dan struktur.



E. Menyediakan **capaian yang sama** kepada semua rakyat Malaysia dalam keselamatan sosial, penjagaan kesihatan fizikal dan mental, pendidikan, perumahan serta pekerjaan.



“Lawan kepada sikap rasis bukannya ‘tidak rasis’. Sebaliknya adalah antirasisme.”

- IBRAM X KENDI

# AJAKAN BERTINDAK

**Antirasisme** melibatkan tindakan menghadapi perilaku, buah fikiran, dasar dan institusi perkauman dengan **konsisten dan secara sedar**. Hal ini adalah amat penting dalam perjuangan untuk **merungkai ketidaksamaan kaum**. Berikut merupakan cara untuk anda **menjadi seorang antiperkauman**.



1

**Membaca dan belajar bersama.** Mulakan perbualan dengan keluarga dan rakan anda menggunakan sumber-sumber antiperkauman.



3

**Menerima empati bersama.** Bersikap terbuka mengenai rasisme dan memahami konteks pengalaman hidup orang lain.

2 **Menyertai program, bengkel dan dialog antidiskriminasi.**



4

**Berhadapan dengan diskriminasi kaum apabila berlaku di hadapan mata.**



5

**Berkomunikasi secara terangkum.** Nyatakan buah fikiran dan pendapat di samping memberikan perhatian kepada pemilihan kata, niat dan perilaku ketika berbicara dengan orang lain.



6

**Meneliti prasangka diri sendiri.** Menyedari bahawa tiada orang yang bebas daripada pelaziman perkauman. Persoalkan tindakan sendiri. Mendengar maklum balas yang diterima. Sentiasa belajar untuk menjadi antiperkauman.



7

**Menyumbang kepada usaha memperkasa masyarakat terpinggir.** Bercakap kepada wakil-wakil politik kawasan anda. Memberikan sumbangan kepada pengumpul dana. Sebarkan mesej-mesej berkaitan untuk memperkuat tuntutan serta menggalakkan tindakan yang bermakna.

8

**Menandatangani petisyen untuk menjana tekanan politik.** Memberikan sokongan kepada kerja organisasi-organisasi untuk membasmi diskriminasi kaum di Malaysia.

“Anda tidak bertanggungjawab terhadap fikiran pertama yang anda ada, tetapi anda mempunyai tanggungjawab untuk menyoal diri sendiri, sebab anda berfikir sedemikian dan tindakan yang anda ambil selepasnya.”



INSTITUTE FOR DEMOCRACY AND ECONOMIC AFFAIRS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara

Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak.

Untuk maklumat lanjut, lawati

[www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)



IMAGINED  
MALAYSIA

Imagined Malaysia merupakan sebuah organisasi penyelidikan yang komited menumpukan kepada sejarah alternatif Malaysia dan Asia Tenggara.

Kami mengambil bahagian dalam usaha mewujudkan kesedaran awam dan pendidikan mengenai naratif berbeza dan kisah yang mungkin diketepikan daripada sejarah rasmi/ arus perdana. Hal ini bertujuan bukan sahaja untuk mengubah pemahaman kita tentang sejarah negara, bahkan untuk mendalami dan mengembangkannya lagi agar menjadi wacana yang lebih terangkum dan kaya.

Untuk maklumat lanjut mengenai kami, lawati

<https://imagined.my/>

**#TanpaPerkauman: Sejarah Antirasis Malaysia merupakan satu kempen dalam talian yang bertujuan meneruskan penyelidikan tentang sejarah Malaysia untuk meneroka manifestasi, sifat, dan kesan perkauman.**

**Penerbitan ini dihasilkan dengan sokongan kewangan Kesatuan Eropah. Kandungannya ialah tanggungjawab IDEAS Malaysia dan Imagined Malaysia sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Kesatuan Eropah.**